



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat  
Siri 5/ 2023 (Bulan Mei Tahun 2023)

Tarikh	Tajuk	Bil
5 Mei 2023M/ 14 Syawal 1444H	Ketukan Pintu Syurga Dari Pendosa	1.
12 Mei 2023M/ 21 Syawal 1444H	Khutbah Hari Guru: "Guru Insani: Pemangkin Generasi Madani"	2.
19 Mei 2023M/ 28 Syawal 1444H	Santuni Ibumu	3.
26 Mei 2023M/ 6 Zulkaedah 1444H	Demi Masa, Beruntungkah Kita?	4.
Khutbah Kedua Bulan Mei		

دبیایاء:



زكاة فولاو فینغ

دتریبتکن:



جابتن حال احوال اکام اسلام  
فولاو فینغ

---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Santuni Ibumu

19 Mei 2023M/ 28 Syawal 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، زَرَعَ الرَّحْمَةَ فِي قُلُوبِ الْأُمَّهَاتِ عَلَى أَوْلَادِهِنَّ،  
وَجَعَلَ فَقْدَهُمْ أَعْظَمَ مُصَابِهِنَّ، فَلَا يَصْبِرُ عَلَى حَمْلِهِمْ وَوِلَادَتِهِمْ وَرِضَاعِهِمْ  
وَحَضَانَتِهِمْ كُلِّهِ غَيْرُهُنَّ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نِ الْأَمِينِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَتْبَاعِهِ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, sedarlah bahawa setiap yang bermula pasti akan berakhir. Terus meneruskan perbaiki diri dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah yakni dengan menuruti segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, patuhi adab-adab mendengar khutbah berikut. Pertama, jangan berbual-bual bersama-sama rakan. Kedua, jangan bermain telefon bimbit. Manakala yang ketiga, jangan tidur dengan sengaja dan seterusnya tidak menggerakkan tabung kutipan



Jumaat. Semoga ganjaran pahala yang besar mengiringi ibadah yang kita tunaikan semata-mata kerana Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Pada hari yang berkat ini, mari kita berikan sepenuh tumpuan kepada khutbah yang bertajuk: **“Santuni Ibumu.”**

## **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Ibu, mama, umi adalah antara gelaran yang diberikan kepada insan yang telah melahirkan, menjaga, mengasihi dan menyayangi kita. Insan ini adalah permata yang amat bernilai. Tanpa insan ini, kita pasti akan merasa kesunyian dan kedukaan.

Berbuat baik kepada ibu adalah lebih utama, diikuti seorang bapa. Abu Hurairah **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ** telah meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** yang bermaksud:

“Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling berhak untuk aku berbuat baik kepadanya? Maka Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** menjawab: Ibu kamu (adalah manusia yang paling berhak untuk kamu berbuat baik kepadanya), kemudian ibu kamu, kemudian ibu kamu, kemudian bapa kamu.” **﴿Hadis Riwayat Muslim﴾**

Namun, atas faktor kekangan sesudah berkeluarga dan berkerja maka ada di antara kita terpaksa berjauhan. Namun demikian, perlulah sentiasa diingat walau di mana pun seseorang berada, dia masih berkewajipan memberi perhatian kepada ibunya hingga ke akhir hayat. Oleh itu, marilah kita bermuhasabah, berapa kali kita telah menziarahi mereka pada bulan ini? Jangan hanya ziarahi mereka apabila tiba hari

lebaran tetapi hubungilah mereka sekerap mungkin sebelum mereka timbul rasa rindu kepada kita.

Diriwayatkan di dalam sebuah hadis seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: “Wahai Rasulullah: Saya ingin berjihad (berjuang) menegakkan agama Allah.” Rasulullah bertanya: “Apakah ibumu masih hidup?” Lelaki itu menjawab, Ya, Rasulullah bersabda. “Tetaplah engkau berada dekat di kaki ibumu itu, di sanalah syurga berada.”

﴿Hadis Riwayat At-Tabarani﴾

## MUSLIMIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ibu adalah insan yang telah melalui pelbagai kepayahan dan kesukaran.

**Pertama,** Ibu telah melalui kesukaran sejak awal kehamilan hingga saat melahirkan. Bermula dari hilang selera makan, kepenatan dan tekanan. Kemudian tiba saat melahirkan, apabila mendengar tangisan kita maka hilanglah segala penat dan sakit.

**Kedua,** di tangan ibulah kita membesar dari kecil hingga dewasa. Apabila kita mahukan susu, kita akan menangis sepuas-puasnya hingga membuatkan ibu kita tidak keruan. Apabila kita telah letih dan penat bermain, ibulah tempat kita melepaskan lelah. Menginjak ke usia dewasa, kita sudah punya ramai kawan. Maka, ibu mula kita lupakan.

**Ketiga,** ibu masih menjadi teman hingga ke hujung nyawa. Apabila kita telah dewasa, ibu masih di rumah yang sama dengan redup wajah yang sama. Ibu tekun mendengar segala luahan sedangkan si anaklah yang sepatutnya mendengar rintihan dan keluhannya.



Oleh itu, kita seharusnya mencontohi akhlak yang ditunjukkan oleh seorang lelaki yang bernama Uwais Al-Qarni. Beliau merupakan seorang tabi'in yang berasal dari Yaman. Beliau berbakti kepada ibunya yang telah tua dan uzur. Sekalipun dia ingin menziarahi Baginda Nabi Muhammad ﷺ tetapi kerana keutamaan berbakti kepada ibu itu lebih utama maka dia sanggup untuk tidak menziarahi Baginda pada ketika itu. Hal ini telah diriwayatkan dalam sebuah hadis:

Maksudnya: *“Nanti akan datang kepada kamu seorang bernama Uwais bin Amir bersama rombongan dari Yaman. Dia berasal dari Murad, kemudian Qaran. Dia menghidap penyakit kulit, kemudian dia sembuh daripadanya kecuali sebesar satu dirham. Dia memiliki seorang ibu dan sangat berbakti kepadanya. Sekiranya dia bersumpah kepada Allah, maka akan diperkenankan yang dia pinta. Jika kamu mampu agar dia memohon pada Allah keampunan bagimu, maka lakukanlah.”*

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

## **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Kesimpulannya, masa bersama ibu kita semakin pendek. Usia emas mereka semakin menemui penghujungnya. Justeru, mari bersama-sama kita mengambil nasihat dan pedoman daripada khutbah pada hari ini.

**Pertama:** Taatilah ibu atas perkara yang hak dan tinggalkan perkara yang batil. Apa yang dinasihatkan oleh ibu maka patuhilah dan santunilah dia dengan penuh kasih sayang dan kelembutan.

**Kedua:** Jangan sesekali melakukan perbuatan yang mengakibatkan mereka berkecil hati kerana perbuatan itu adalah termasuk perkara derhaka dan berdosa besar. Rasulullah ﷺ telah bersabda maksudnya:

“Menyebabkan kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar.” ﴿Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari﴾

**Ketiga:** Balaslah budi ibu semampu dan sedaya mungkin walaupun secara hakikatnya tidak akan terbalas jasa seorang ibu. Berikan mereka hadiah atau bantulah tunaikan hajat mereka yang masih belum tertunai agar mereka merasa bahagia.

**Keempat:** Berdoalah kepada Allah agar mereka diberikan rahmat, keselamatan dan limpahan kasih sayang yang tidak mungkin mampu diberikan melainkan Allah jua.

**Kelima:** Sekiranya mereka telah tiada maka berdoalah kepada Allah agar mereka dikurniakan rahmat, diampunkan dosa dan dimaafkan segala kesalahan dan kesilapan.

Allah berfirman di dalam surah Al-Isra' ayat 23-24:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ الْأَكْبَرُ أَحَدُهُمَا أَوْ  
كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ  
الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah

engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaannya, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “uh”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).” “Dan hendaklah engkau merendah menghinakan diri kepada kedua-duanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata):

**“Wahai Tuhanku! Cucurkanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.”**

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ  
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.







## Khutbah Kedua Bulan Mei

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أئِمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا.



اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.*



Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾